



SARAT...lori membawa muatan kelapa sawit menunggu giliran untuk memasuki kilang di Felda Sememchu.

Bayar harga berbeza

H.M 27/06/02 MIS 11
Peneroka tanam semula sendiri pokok kelapa sawit dakwa dianaktiri berbanding rakan diurus Felda

>>Oleh Rudy Fazrunisyam Samarudin

rudy@hmetro.com.my

KOTA TINGGI: Peneroka tanaman semula sendiri sawit di Gugusan Felda Air Tawar, di sini, mendakwa mereka dianaktiri apabila harga Buah Tandan Segar (BTS) dibayar lebih rendah berbanding peserta yang mengikuti tanam semula di bawah pengurusan Felda.

Mereka mendakwa, wujud perbezaan ketara bagi bayaran Keputusan Perahan Gred (KPG) yang dikeluarkan Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) kepada BTS peneroka yang melakukan tanaman semula sendiri berbanding peneroka lain.

Rahim Zakaria, 57, dari Felda Air Tawar 1, berkata perbezaan harga bagi KPG berbeza setiap hari berasaskan harga BTS dikeluarkan MPOB dipengaruhi harga semasa yang berubah mengikut harga pasaran.

Katanya, beliau pernah mendapat perbezaan bayaran bagi 1 KPG mencecah RM1.50 oleh kilang memproses kelapa sawit berbanding



RAHIM...harga berbeza

ding bayaran yang diterima bagi 1 KPG oleh peneroka lain.

“Walaupun berapa pun harga ditetapkan bagi BTS pada hari itu, kami menerima bayaran lebih rendah daripada kilang berbanding harga diterima kebanyakan peneroka yang tidak menanam semula sendiri.”

“Ini menunjukkan kami dianaktiri dengan mendapat harga lebih rendah kerana kami peneroka yang menanam semula sendiri,” katanya.

Beliau berkata, tindakan kilang itu tidak adil kerana mereka dilayan seperti peneroka yang tidak layak mendapat harga BTS yang



ZAINAL...tersepit

sama peneroka lain.

“Walaupun memilih menanam semula sendiri kira-kira tujuh tahun lalu, kami masih peneroka Felda dan tidak sewajarnya kami dilayan seperti ini,” katanya.

Menurut Zainal Awang, 67, keadaan itu menyebabkan dia dan rakan lain tersepit kerana Felda berhubung perkara yang tidak sepatutnya berlaku itu.

“Kami menuntut penjelasan Felda berhubung perkara ini sama ada ia satu prosedur yang diamalkan atau wujud satu penipuan seperti yang berlaku kepada peneroka Felda di Kemahang, Tanah Merah, Kelantan,” katanya.